



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL MENGENAI LATAR BELAKANG DAN
PENGALAMAN HIDUP BERSAMA EN HARON WEE AH BOO YANG
MERUPAKAN KETUA PUSTAKAWAN DI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL
RAZAK (PTAR), UiTM MALAYSIA**

NOOR AKMAL B KAMAROLZAMAN

2007267194

KAMARUL NIZAM B ISMAIL

2007267218

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MALAYSIA BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS IMR603 – SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (JULAI – NOVEMBER 2008)

PENGHARGAAN

Bersyukur kita ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan perkenannya maka terhasillah sebuah lagi nukilan hidup insan yang berbakti dan berjasa kepada agama, bangsa dan Negara. Dengan izin Allah S.W.T dapatlah kami menyudahkan kewajipan kami bagi subjek IMR 603-Documenting Oral Tradition dalam masa yang telah dijanjikan. Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah membantu kami dalam menyiapkan tugas yang mencabar dan menarik ini.

Limpahan jutaan terima kasih kami hamparkan kepada pensyarah yang kami sayangi dalam subjek IMR 603 (Documenting Oral Tradition) Pn Hajah Aliza Bt Ismail yang telah banyak berkorban masa dan tenaga mengembleng tenaga untuk membantu kami dalam memberi tunjuk ajar, penerangan dan kata-kata nasihat yang berguna lagi bernas dengan niat untuk membantu kami menghasilkan sebuah karya dan transkrip ilmiah ini yang bermutu. Di samping idea dan cadangan hasil perbincangan bersama betul-betul membantu kami dalam memperkayakan teknik dan kemahiran menyusun maklumat. Sesungguhnya ilmu yang telah dicurahkan memang tidak ternilai harganya dan tidak mungkin di dapati di tempat lain. Segala komitmen dan motivasi yang telah diberikan menambahkan lagi semangat kami untuk menyiapkan kerja kursus ini.

ABSTRAK

Transkrip temubual bersama En Haron Wee Ah Boo mengenai pengalaman hidup dan sumbangan beliau terhadap perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Malaysia

Transkrip ini mengandungi temubual bersama En Haron Wee Ah Boo mengenai pengalaman hidup dan sumbangan beliau terhadap perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Malaysia. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Malaysia pada 16 September 2008 pada pukul 9.38 minit pagi. Beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pustakawan bermula pada bulan Jun 2008 bagi menggantikan Ph Hj Paiza Idris yang bersara tetap. Beliau sangat komited dengan tugasnya dan berpengalaman luas di dalam bidang keperpustakaan. Bermula dari bawah sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan pada 10 Ogos 1976 di Bahagian Katalog dan Klasifikasi, Perpustakaan Tun Abdul Razak, ITM Shah Alam ketika itu. Temubual yang dijalankan ini turut menumpukan mengenai pengalaman yang dilalui oleh beliau dari awal penglibatan secara langsung di PTAR dan sumbangan beliau terhadap bidang keperpustakaan.

Kata Kunci: En Haron Wee Ah Boo, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Ketua pustakawan , UiTM Malaysia

SENARAI SINGKATAN

AKPM – Anugerah Kualiti Perdana Menteri

G TO G – Government to Government

HQ – Head Quarters.

ICT- Information Communication Technology

ITM – Institut Teknologi MARA

IPT – Institut Pengajian Tinggi

KPI – Key Performance Indicator.

PERPUN – Persatuan Perpustakaan Negara

PETRONAS – Petrol Nasional

PTAR –Perpustakaan Tun Abdul Razak

PNM – Perpustakaan Negara Malaysia

PTK – Penilaian Tahap Kecekapan

STPM – Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

TEKA – Teknolgi Creative and Artistics

TESL – Teaching English as Second Language

UIA – Universiti Islam Antarabangsa

UiTM – Universiti Teknologi MARA

UK – United Kingdom

UM – Universiti Malaya

UNISEL – Universiti Industri Selangor

US – United States

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Sejarah Universiti Teknologi MARA bermula pada tahun 1956. Penubuhan awalnya dengan nama Dewan Latihan Rida, iaitu sebuah pusat penubuhan yang menyediakan kursus persediaan bagi belia luar Bandar yang berpendidikan Inggeris. Merupakan ilham Y.B Dato' Onn Jaafar, RIDA pada masa itu adalah sebuah agensi kerajaan yang bermatlamat untuk membina semula kehidupan masyarakat desa dan meninggikan taraf ekonomi mereka.

Dewan Latihan RIDA telah memulakan operasinya yang pertama pada bulan November 1956, di bawah pentadbiran Tuan Syed Alwi Bin Syed Al-Hadi. Pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Dr. Ismail Bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri pada Februari 1957.

Kursus-Kursus yang ditawarkan pada masa itu ialah:

- a) Kursus persediaan selama dua tahun untuk London Chamber of Commerce (Peperiksaan Tinggi)
- b) Kursus selama setahun untuk London Chamber of Commerce (Peperiksaan Intermediate)
- c) Kursus untuk peniaga-peniaga kecil.